

Media Title : Harian Metro
Headline : Duit KWSP RM260k lesap kena phone scam
Date : 31 July 2024
Section : Lokal
Page : 5



Duit KWSP RM260k lesap kena *phone scam*

Kuantan: Seorang pegawai bank berputih mata apabila wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM260,400 dicuri sindiket *phone scam*.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata, kejadian berlaku apabila lelaki berusia 55 tahun itu menerima panggilan telefon daripada suspek mendakwa sebagai pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 16 Julai lalu.

Menurutnya, suspek memaklumkan kononnya mangsa terbabit dengan jenayah komersial.

“Panggilan itu kemudian disambungkan kepada suspek yang kononnya polis dan menyatakan surat Perintah Penangkapan dan Perintah Pembekuan

Aset daripada Mahkamah Persekutuan Malaysia terhadap mangsa sudah dikeluarkan.

“Mangsa turut diminta menyerahkan harta bagi tujuan itu dan memindahkan wang KWSP ke dalam akaun bank atas arahan suspek bersama-sama maklumat akaun bank,” katanya.

Beliau berkata mangsa hanya menyedari wang dalam akaun miliknya berkurangan apabila memeriksa jumlah simpanan bank kelmarin.

“Dia mendapati beberapa transaksi pengeluaran wang RM260,400 sudah dilakukan.

“Sumber kerugian kewangan mangsa adalah duit KWSP miliknya. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya.